



UniSHAMS
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)
KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN

TAWARAN SEBUT HARGA

MENYEDIAKAN KHIDMAT JURUFOTO RASMI SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UniSHAMS KALI KE-27

1. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) adalah sebuah institusi pengajian tinggi milik penuh kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. UniSHAMS dijadual akan mengadakan Istiadat Konvokesyen Kali Ke-27 pada bulan Oktober 2025. Dianggarkan seramai 1100 graduan akan menghadiri istiadat konvokesyen tersebut yang bakal disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah selaku Canselor UniSHAMS.
2. Tawaran ini dibuka kepada individu atau syarikat yang memiliki pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah, mempunyai kepakaran dan kelayakan untuk **MENYEDIAKAN KHIDMAT JURUFOTO RASMI SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-27 UniSHAMS.**

SKOP KERJA

Individu / syarikat yang terpilih dikehendaki:

1. Menyediakan satu set gambar (dari sudut yang berbeza) bagi setiap graduan yang mengandungi:

Cadangan Pakej:

- 1 x 11R – Berbentuk menegak (*potrait*).
- 1 x 8R (8' x 10') – Melintang (*landscape*).
- 1 x 5R – Berbentuk menegak (*potrait*).
- Sekeping CD Salinan "Softcopy" bagi gambar-gambar di atas.
- Menyerah gambar-gambar tersebut kepada para graduan (sehari selepas Istiadat konvokesyen).

2. Membuat liputan keseluruhan majlis termasuk jamuan Santapan Diraja dan sesi fotografi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah bersama tetamu VVIP.



SPRM
CERTIFIED TO ISO 21001:2018
CERT. NO.: EOMS 00136



unishams.official



| www.unishams.edu.my



3. Menyerahkan salinan 'softcopy' semua gambar yang dirakam dalam Portable SSD (1 TB) kepada Bahagian Komunikasi Korporat, UniSHAMS.

SYARAT PERMOHONAN

1. Individu / syarikat dikehendaki menghantar kertas cadangan ringkas (*proposal*) yang mempunyai:
 - i. Profil individu / syarikat.
 - ii. Tawaran harga bagi setiap pakej yang dicadangkan (harga atas setiap graduan).
 - iii. Beberapa contoh gambar konvokesyen yang pernah diambil.
 - iv. Tawaran tambahan (jika ada).
2. Permohonan / *proposal* hendaklah dihantar sebelum atau pada 15 Julai 2025 secara serahan tangan atau e-melkan kepada media@unishams.edu.my

Jawatankuasa Fotografi, Promosi & Hebahan
Istiadat Konvokesyen Ke-27
Bahagian Komunikasi Korporat,
Aras G, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak,
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
09300 Kuala Ketil, Kedah.
Tel: 04-499 1110 / 013-484 1167